

14 AUG 2002

MBM-Perpaduan

MBM LANCAR GERAKAN BESAR-BESARAN PUPUK PERPADUAN KAUM

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) akan melancarkan satu gerakan besar-besaran melibatkan semua 39 badan gabungannya bagi memupuk perpaduan kaum di kalangan generasi muda.

Setiausaha agungnya Norizan Sharif berkata gerakan besar-besaran itu akan melibatkan 2.6 juta anggotanya di seluruh negara.

"Saya ingin memaklumkan bahawa mesyuarat exco MBM pada 22 Ogos ini akan membincangkan isu itu secara mendalam dan merangka pelan tindakan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata MBM percaya dengan kekuatan Majlis Belia Negeri, Majlis Belia Daerah dan pertubuhan belia peringkat kebangsaan, usaha menyemai perpaduan kaum akan mencapai akar umbi secara menyeluruh.

Program yang akan digerakkan itu akan memenuhi citarasa belia Malaysia dalam bidang rekreasi, seni, budaya dan sukan, katanya.

Beliau berkata MBM menyokong penuh gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya ditingkatkan usaha menggalakkan perpaduan kaum di kalangan generasi muda khususnya di Institusi Pengajian Tinggi termasuk menubuhkan kelab antara kaum.

Katanya gesaan itu selaras dengan fokus MBM tahun ini yang memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan hubungan antara kaum.

Sementara itu, naib presiden Gerakan Datuk Dr S. Vijayarajam berkata gesaan Dr Mahathir itu adalah wajar dan tepat pada masanya.

"Masalah polarisasi ini sudah berlanjutan terlalu lama di institusi pengajian tinggi...keadaannya begitu ketara," katanya di sini, hari ini.

Menurutnya segelintir pensyarah juga menggalakkan keadaan itu dengan ada yang mengatakan berdosa bagi pelajar berlainan agama untuk bercampur gaul.

Katanya penubuhan kelab antara kaum harus mewajibkan keanggotaan di kalangan pelajar serta mengadakan aktiviti yang membabitkan penyertaan mereka secara bersama.

-- BERNAMA

MUN AHH NAK